Pengenalan

Maksud keuntungan menurut Dewan Bahasa adalah segala hasil atau pendapatan yang diperoleh melebihi daripada modal. Menurut perspektif Islam pula, untung berasal daripada kalimah arab iaitu 'Ribh' atau rabiha yg bermaksud pertambahan atau pertumbuhan dalam perniagaan. Dari segi istilah bermaksud lebihan dalam aktiviti perniagaan daripada 2 unsur iaitu usaha (al-amal) dan modal (ra'su al-mal). Para fukaha dan ulama membah-askan maksud keuntungan dari potongan ayat ke-16 surah al-Baqarah ' Mereka itulah orang yang memberi kesesatan dengan petunjuk, maka tidak **beruntunglah** perniagaan mereka...'. Sebagai contoh Imam al-Tabari berpandangan bahawa keuntungan ialah pertukaran barang sama ada nilai pertukaran barang itu sama atau melebihi harga belian barangan itu. Sekiranya

nilai pertukaran itu rendah ia bermaksud **rugi** manakala sekiranya nilai barang itu tinggi ia bermaksud **untung**. Pra fuqaha juga berpendapat keuntungan mempunyai dua bahagian iaitu bahagian zakat dan bahagian al-Murabahah. Zakat dikenakan pada harta yang berkembang misalnya barang perniagaan yang berpotensi untuk mendapat keuntungan. Oleh itu, zakat adalah wajib ke atas barang yang berpotensi untuk berkembang setalah cukup nisab dan haul. Darisegi murabahah pula keuntungan dapat didefinasikan 'perta-mbahan ke atas modal setelah ditolak segala perbelanjaan yang dikeluarkan'

Antara kriteria yang digariskan atau dititik beratkan oleh islam:

i) Keuntungan bukan berasal daripada riba

ii) Keuntungan bukan daripada unsur penipuan

iii) Keuntungan bukan daripada perbuatan ihtikar

Pembahagian Keuntungan Menurut Fuqaha'

Para Fuqaha' membahagikan keuntungan kepada dua bahagian iaitu:

1) Ghabn al-Fahisy

2) Ghabn al-Yasir

Para Fuqaha' menggunakan dua pendekatan iaitu mereka menggunakan ukuran yang tetap (al-mi'yar al-jamid) dan yang kedua ialah ukuran yang fleksibel (al-mi'yar al-marin)

Pendekatan Pertama: Ukuran yang Tetap

Dikemukakan oleh sebahagian ulama Hanafi, Maliki, Syafie, Hanbali dan lain-lain. Para ulama berbeza pendapat mengenai pendekatan pertama ini.

i. Al-Khajnadi dari golongan Hanafi berpen-dapat bahawa al-ghabn al-fahisy adalah pada takat melebihi nisf al-usyur, manakala ghabn al-yasir pula tidak melebihi nisf al-usyur.

ii. Ibn Yahya al-Balkhi berpendapat nisbah pada barangan perniagaan (al-arud) seperti haiwan ialah sebanyak al-usyur (1/10), manakala pada barang tak alih (al-aqar) sebanyak al-khumus **(1/5)**. Golong Maliki meletakkan al-thulus (1/3) atau lebih sebagai ghabn al-fahisy

iii. Golongan Hanbali meletakkan al-Ghabn al-Fahisy pada kadar al-thulus (1/3) atau al-sudus (1/6)

iv. Golongan Syafie melihat ghabn al-fashisy berlaku ketika kadar keuntungan di ambil melebih 1/3

v. Golongan al-Ibadiyyah menetapkan al-thulus (1/3)

Pendekatan Kedua: Ukuran Yang Fleksibel

Pandangan ini dikemukan oleh golongan Hanafi pada riwayat yang jelas (zahir al-riwayah), dan juga sebahagian ulama Hanbali. Di antara pandangan mereka ialah:

i. Ibn Abidin ghabn al-fahisy suatu kadar keuntungan yang tidak termasuk dalam penetapan taksiran oleh pentaksir. Kadar yang dibuat melebihi taksiran dianggap sebagai ghabn al-fahisy

ii. Sebahagian ulama dari mazhab Maliki berbeza pandangan dari sudut kadar atau nisbah, iaitu pada kadar **1/3** atau lebih. Ada juga yang menyatakan ia disandarkan berdasarkan tradisi atau budaya sesuatu tempat sesama peniaga.

iii. Al-Mardawi pula berpendapat nisbah ghabn perlulah berdasarkan uruf semasa dan sesuai dengan maslah yang dihadapi.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa konsep dalam untung dalam islam seperti yang dibahaskan oleh para fuqaha' begitu jelas di mana para peniaga boleh menjadikannya sebagai panduan dalam menentukan kadar dan nisbah keuntungan yang munasabah. Nisbah yang ditetapkan bukan sahaja meringankan beban para pembeli, malah dapat mengekalkan kelang-sungan perniagaan peniaga atau firma sekiranya kriteria-kriteria yang dikemukan diikuti sepenuhnya. Keuntungan dalam ekonomi konvensional dan islam sentiasa berubah dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan manusia. Cuma bezanya keuntungan di dalam Islam berlan-daskan syarak dan membawa keadilan kepada manusia. Kesimpulan yang boleh dibuat ialah keuntungan yang berlandaskan syarak bebas daripada unsur-unsur haram seperti riba, ghabn, ghara, dan ikhtikar. Oleh itu, umat islam perlulah berusaha untuk mengelakkan daripada unsur-unsur haram.

By **Fitri Jamal**
cheatography.com/fitri-jamal/

Published 9th July, 2020.
Last updated 9th July, 2020.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
https://readable.com